


## BAB 3 - WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU

### 3.1 Wang dan Bank

#### 3.1.1 Fungsi Wang


##### A. Pengertian Wang




##### B. Ciri-Ciri Wang


Ciri-ciri Wang	Huraian
a) Diterima umum	sebagai alat perantaraan pertukaran dalam urusan jual barang dan perkhidmatan.
b) Penawaran terhad	iaitu tidak terlalu banyak hingga menjejaskan nilainya.
c) Kestabilan nilai	iaitu nilainya tidak mudah berubah dan membantu wang berfungsi sebagai alat penyimpanan nilai
d) Tahan lama	tidak mudah rosak, koyak dan seumpamanya
e) Mudah dibawa	iaitu bersaiz kecil dan ringan serta mudah disimpan dalam dompet atau saku
f) Boleh dibahagikan kepada unit yang lebih baik	bagi membolehkan urusanniaga dijalankan dengan tepat. (wang kertas mempunyai nilai muka RM1, RM5, RM10 dan lain-lain, duit syiling pula mempunyai nilai muka 5 sen, 10 sen, 20 sen)
g) Mudah dikenali	warna, saiz, rupa dan bentuk yang piawai dan seragam membolehkan wang dikenali dengan mudah

##### C. Jenis-Jenis Wang





#### D. Fungsi-Fungsi Wang




### E. Kebaikan Sistem Wang Berbanding Sistem Barter

ASPEK	SISTEM WANG	SISTEM BARTER
<b>Perantaraan Pertukaran</b>	Menyelesaikan masalah kehendak serentak	Berlaku antara individu yang saling menghendaki
<b>Ukuran Nilai</b>	Memberikan ukuran nilai seragam	Sukar untuk menilai barangan
<b>Penyimpan Nilai Yang Baik</b>	Ciri tahan lama dan stabil	Barang tidak tahan lama
<b>Bayaran Tertunda</b>	Nilai wang yang stabil membolehkan pembelian secara ansuran	Barang tanpa nilai yang stabil menyukarkan pembayaran secara ansuran

### 3.1.2 Fungsi Bank Pusat


#### A. Jenis-jenis bank



Jenis Bank	Tujuan Ditubuhkan	Contoh										
<p><b>Bank Perdagangan</b></p> <p>Konvensional &amp; Bank Islam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank terbesar dan terpenting dalam industri perbankan</li> <li>• Dimiliki oleh pihak swasta</li> <li>• Aktivitinya berteraskan keuntungan</li> <li>• Menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai</li> <li>• Menerima deposit melalui akaun tetap, simpanan dan semasa</li> <li>• Penubuhan Bank perdagangan perlu mendapat kebenaran Bank Negara Malaysia</li> <li>• Perlu memiliki lesen yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan.</li> </ul> <table border="1" data-bbox="418 709 1073 1220"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="418 709 1073 779">Perbezaan antara Skim Perbankan Konvensional dan Islam</th> </tr> <tr> <th data-bbox="418 779 753 848">Skim Perbankan Konvensional</th> <th data-bbox="753 779 1073 848">Skim Perbankan Islam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="418 848 753 982">Tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989</td> <td data-bbox="753 848 1073 982">Dikawal oleh Lembaga Pengawasan syariah 1997</td> </tr> <tr> <td data-bbox="418 982 753 1117">Aktiviti atau operasi berdasarkan kaedah perbankan konvensional</td> <td data-bbox="753 982 1073 1117">Aktiviti atau operasi berdasarkan hukum syarak</td> </tr> <tr> <td data-bbox="418 1117 753 1220">Urus niaga berasaskan kadar faedah atau riba</td> <td data-bbox="753 1117 1073 1220">Urus niaga berasaskan kadar untung</td> </tr> </tbody> </table>	Perbezaan antara Skim Perbankan Konvensional dan Islam		Skim Perbankan Konvensional	Skim Perbankan Islam	Tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989	Dikawal oleh Lembaga Pengawasan syariah 1997	Aktiviti atau operasi berdasarkan kaedah perbankan konvensional	Aktiviti atau operasi berdasarkan hukum syarak	Urus niaga berasaskan kadar faedah atau riba	Urus niaga berasaskan kadar untung	<p>Maybank Berhad</p> <p>Bank Islam Malaysia Bhd</p>
Perbezaan antara Skim Perbankan Konvensional dan Islam												
Skim Perbankan Konvensional	Skim Perbankan Islam											
Tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989	Dikawal oleh Lembaga Pengawasan syariah 1997											
Aktiviti atau operasi berdasarkan kaedah perbankan konvensional	Aktiviti atau operasi berdasarkan hukum syarak											
Urus niaga berasaskan kadar faedah atau riba	Urus niaga berasaskan kadar untung											
<p><b>Bank Pusat</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan pada 26 Jan 1959 di bawah Ordinan bank Negara Malaysia 1958</li> <li>• Fungsi BNM ialah :                         <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mengeluarkan mata wang</li> <li>b. Mengawal kestabilan mata wang</li> <li>c. Jurubank kepada kerajaan</li> <li>d. Jurubank kepada bank perdagangan</li> <li>e. Mengawal kestabilan ekonomi</li> </ol> </li> </ul>	<p>Bank Negara Malaysia</p>										

**B. FUNGSI BANK PUSAT**

Berikut ialah 5 peranan utama Bank Negara Malaysia :



**i) Mengeluarkan mata wang**


- Bank pusat mempunyai kuasa tunggal untuk mengeluarkan mata wang negara iaitu Ringgit Malaysia (RM)
- Hanya wang yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sahaja yang sah diperlakukan dengan nilai di negara kita dan pihak lain tidak dibenarkan untuk mencetak atau menerbitkan wang

**ii) Mengawal kestabilan nilai mata wang**

- Nilai sesuatu mata wang diukur melalui dua cara iaitu dari aspek **kuasa beli wang** dan juga dalam **mata wang asing**

Kuasa beli wang	Mata wang asing
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kuasa beli wang ialah kemampuan wang untuk membeli sesuatu barang atau perkhidmatan</li> <li>- Kenaikan harga barang secara berterusan dalam ekonomi dikenal sebagai inflasi dan kadar inflasi yang tinggi boleh menjejaskan nilai mata wang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan mata wang negara termasuk RM dibandingkan dengan dolar Amerika Syarikat kerana Dolar AS digunakan dengan meluas dalam perdagangan antarabangsa</li> </ul>

- Tiga kaedah bank pusat menstabilkan nilai mata wang ialah :



**a) Mewujudkan sandaran minimum**


- Ordinan BNM memperuntukkan sandaran minimum 80.59% dalam bentuk emas dan rizab antarabangsa
- Rizab antarabangsa termasuklah emas, kadar pertukaran asing, milikan hak pengeluaran khas, dan rizab kumpulan wang antarabangsa.
- Ini bererti sekiranya bank pusat ingin mencetak RM100, sandaran minimum yang perlu dimiliki ialah RM80.59.

**b) Campurtangan dalam pasaran pertukaran asing (FOREX)**

- Contohnya BNM akan membeli RM dengan menjual Dolar AS apabila nilai RM adalah rendah
- Kesannya jumlah RM di dalam pasaran akan meningkat berbanding Dolar AS

**c) Mengawal inflasi**

- Bank pusat akan memastikan kadar inflasi dalam negara berada pada paras terkawal dengan menggunakan alat dasar kewangan (seperti rizab tunai, kadar faedah, syarat sewa beli)

**iii) Jurubank kepada kerajaan**

- **Mentadbir akaun negara**

- Bank pusat menyimpan dan menguruskan akaun kerajaan yang terdiri daripada akaun kewangan (hasil & perbelanjaan kerajaan) dan akaun pinjaman kewangan (rekod pinjaman yang dibuat oleh kerajaan)
- Bank pusat juga menerima wang yang dibayar kepada kerajaan dan melakukan pembayaran bagi pihak kerajaan

- **Memberi pendahuluan sementara**

- Apabila kerajaan menghadapi masalah kekurangan kewangan
- Kerajaan perlu membayar balik tidak lewat daripada tiga bulan setelah berakhirnya tahun kewangan kerajaan

- **Mengurus hutang negara**
  - Bertanggungjawab memperoleh pinjaman bagi pihak kerajaan daripada sumber dalam negeri dan luar negara
  - Bank pusat akan memperoleh pinjaman melalui penjualan bil-bil perbendaharaan dan surat jaminan kerajaan kepada institusi kewangan atau memperoleh pinjaman di pasaran modal antarabangsa
  - Menerbitkan sijil pelaburan kepada institusi kewangan Islam
- **Memberi nasihat pelaburan**
  - Menjadi penasihat dan ejen kerajaan untuk aktiviti pelaburan kerajaan di luar negara
  - Mengkaji projek pelaburan di luar negara yang berpotensi dan menguntungkan dari semasa ke semasa
- **Mengurus pertukaran asing**
  - Memastikan rizab antarabangsa sentiasa mencukupi
  - Mengawal pertukaran asing dan memastikan bahawa nilai mata wang berada dalam keadaan stabil di pasaran kewangan antarabangsa

iv) Jurubank kepada bank perdagangan




- **Menyediakan akaun penjelasan antara bank**
  - Setiap bank perdagangan mempunyai sebuah akaun penjelasan di bank pusat yang digunakan untuk membayar hutang antara bank akibat pengeluaran cek
- **Menjaga rizab berkanun** (simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat pada kadar tertentu)
  - Kadar rizab berkanun semasa ialah 4%
  - Bermaksud bank perdagangan perlu menyimpan RM4 sekiranya mempunyai wang sebanyak RM100.
  - Perubahan kadar rizab berkanun akan memberi kesan kepada keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman
- **Sumber pinjaman terakhir kepada bank perdagangan**
  - Bank perdagangan yang mengalami masalah kekurangan tunai boleh mendapatkan pinjaman daripada bank pusat

v) **Mengawal kestabilan ekonomi**

- Bank pusat mengawal ekonomi daripada mengalami inflasi dan deflasi dengan menggunakan alat-alat kewangan.

3.1.3 ***Fungsi Bank Perdagangan***

- Antara perkhidmatan utama bank perdagangan adalah :



a) Perbezaan Ciri Akaun Tabungan, Akaun Simpanan tetap dan Akaun Semasa		
Akaun Simpanan	Akaun Simpanan Tetap	Akaun Semasa
Jumlah simpanan minimum lebih rendah	Jumlah simpanan minimum lebih tinggi	Jumlah simpanan minimum lebih tinggi daripada akaun simpanan
Faedah yang diberikan lebih rendah berbanding akaun simpanan tetap	Faedah yang diberi lebih tinggi mengikut tempoh simpanan	Tiada faedah simpanan (tetapi dikenakan caj perkhidmatan)
Boleh mengeluarkan wang simpanan bila-bila masa di kaunter bank, buku simpanan atau mesin ATM	Wang tidak boleh dikeluarkan sebelum tempoh matang simpanan / faedah tidak akan dibayar jika pemegang akaun mengeluarkan simpanan lebih awal	Wang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa menggunakan cek atau kad ATM
Pendeposit diberi dokumen Buku Bank atau penyata bank	Pendeposit diberi dokumen Sijil Simpanan Tetap. Sijil ini boleh dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman bank.	Pendeposit diberi dokumen Buku Cek
Kemudahan pembayaran bil, bayaran ansuran, GIRO, perbankan internet dan kad ATM disediakan	Tiada kemudahan disediakan	Kemudahan yang disediakan adalah sama dengan pemegang akaun simpanan, yang berbeza ialah Kemudahan overdraf dan cek


## b) Memberi Pinjaman atau Pembiayaan :

### i. Overdraf

- Kemudahan yang disediakan kepada pemegang akaun semasa untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya berdasarkan had yang telah ditetapkan oleh bank.
- Boleh dipohon oleh pemegang akaun semasa sahaja
- Pinjaman jangka pendek

Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebiasaannya tidak memerlukan cagaran atau penjamin</li> <li>• Boleh mengeluarkan wang mengikut keperluan</li> <li>• Dikenakan faedah untuk jumlah yang digunakan sahaja</li> <li>• Boleh digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai untuk membayar gaji, sewa atau membeli stok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikenakan faedah yang tinggi</li> <li>• Bukan semua pemegang akaun semasa yang ditawarkan kemudahan ini</li> <li>• Ada had tertentu yang telah ditetapkan</li> </ul>

### Pinjaman



#### a) *Pinjaman peribadi*


- Boleh dimohon oleh individu berumur 18 tahun ke atas yang mempunyai sumber pendapatan yang tetap
- Merupakan pinjaman jangka pendek untuk membiayai kos pendidikan, pembelian barang tahan lama seperti perabot dan komputer
- Tidak memerlukan cagaran tetapi memerlukan seorang penjamin
- Kadar faedah dikenakan ke atas keseluruhan pinjaman yang diluluskan

#### b) *Pinjaman bercagar*

- Pinjaman untuk membeli aset tetap/hartanah seperti rumah dan tanah
- Merupakan pinjaman jangka panjang
- Peminjam diminta mencagarkan hartanya kepada pihak bank untuk memperoleh pinjaman tersebut
- Kadar faedah dikenakan ke atas keseluruhan pinjaman yang diluluskan
- Kegagalan membayar balik pinjaman akan mengakibatkan harta yang dicagarkan akan dilelong

- c) *Pinjaman kenderaan (kemudahan sewa beli)*
- Kemudahan ini digunakan untuk membiayai pembelian kenderaan baharu dan kenderaan terpakai
  - Bank menawarkan pinjaman sehingga 90% harga kereta dan tempoh bayaran balik sehingga 9 tahun
  - Peminjam dikenakan faedah dan boleh membayar balik secara ansuran
- d) *Pinjaman melalui kad kredit*
- Membeli barang atau perkhidmatan secara kredit
  - Bank akan membuat bayaran bagi pihak pengeluar kad kredit dan seterusnya bank akan menuntut bayaran daripada pemilik kad kredit
  - Bayaran akan dibuat secara sepenuhnya atau secara ansuran setiap bulan oleh pemegang kad kredit
  - Kadar faedah dikenakan ke atas jumlah yang belum diselesaikan
- e) *Mendiskaunkan bil pertukaran*
- Bil pertukaran ialah perjanjian yang dilakukan oleh penghutang kepada pemberi hutang
  - Bank membeli bil pertukaran pada harga yang lebih rendah daripada harga muka
  - Apabila pemberi hutang memerlukan wang sebelum bil pertukaran matang, pemberi hutang boleh mendapatkan pinjaman daripada bank perdagangan
  - Bank akan memberikan pinjaman kepada pemberi hutang dengan mendiskaunkan bil pertukaran tersebut
  - Jumlah diskaun ke atas bil pertukaran merupakan kadar faedah yang dikenakan

**c) Menyediakan Kemudahan Pembayaran :**



**i. Sistem cek**


- Kemudahan bayaran ini hanya disediakan kepada pemegang akaun semasa
- Biasanya cek digunakan oleh peniaga untuk membayar gaji pekerja, pembelian stok atau perbelanjaan lain
- Peniaga juga mungkin menerima cek daripada pelanggan untuk perkhidmatan yang disediakan
- Bank bertindak sebagai ejen pembayar dan penerima bagi pemegang akaun semasa

## ii. Arahan kepada bank :

Jenis	Penerangan
a) Perintah sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan arahan yang diberi oleh pemegang akaun semasa dan akaun tabungan kepada bank untuk membuat bayaran tetap yang berulang pada tarikh-tarikh tertentu.</li> <li>- Contohnya : bayaran premium insurans, ansuran bulanan rumah / kereta dan lain-lain</li> </ul>
b) Debit langsung	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan arahan yang diberi oleh pemegang akaun semasa dan akaun tabungan kepada bank untuk membuat bayaran yang tidak tetap jumlahnya pada tarikh pembayaran yang tidak tetap/pada tarikh yang tertentu kepada penerima bayaran seperti yang dinyatakan dalam bil</li> <li>- Contohnya : bayaran bil elektrik dan telefon</li> </ul>
c) Pindahan kredit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank perdagangan membuat bayaran terus ke dalam akaun penerima</li> <li>- Disediakan oleh bank kepada pemegang akaun semasa dan akaun tabungan</li> <li>- Contohnya : pembayaran gaji, bonus, dividen</li> </ul>
d) Kad kredit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kad ini membolehkan pelanggan bank membeli barang dan perkhidmatan secara kredit</li> <li>- Bank membiayai perbelanjaan pemegang kad dan pemegang kad boleh membayar balik sekali gus atau secara ansuran</li> <li>- Jika pelanggan gagal membayar mengikut tempoh yang telah ditetapkan, kadar faedah yang tinggi akan dikenakan</li> <li>- Bagi sesetengah bank, pemegang kad kredit juga dikenakan yuran tahunan.</li> </ul>
e) Draf bank	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cek yang dikeluarkan oleh bank atas permintaan pelanggan untuk membuat bayaran kepada pihak tertentu</li> <li>- Pelanggan dikenakan caj perkhidmatan</li> <li>- Biasanya digunakan untuk membuat pembayaran dan kiriman wang di dalam dan luar negara</li> <li>- Memudahkan proses kiriman wang atau pembayaran permohonan untuk melanggan terbitan saham baru</li> </ul>
f) Kad juruwang elektronik (kad ATM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelanggan boleh membuat urusan kewangan secara layan diri dengan menggunakan kad ATM</li> <li>- Contohnya, membuat simpanan dan pengeluaran wang, membuat bayaran, pindahan baki, tambah nilai untuk perkhidmatan <i>Touch'n Go</i></li> <li>- Kad ini bertindak sebagai kad debit apabila membuat bayaran untuk pembelian barang atau urusan niaga e-dagang</li> </ul>

## d) Konsep Skim Perbankan Islam :

- Merupakan suatu sistem kewangan Islam yang prinsip dan amalannya berlandaskan hukum Islam (syariah)
- Perbankan Islam berbeza dengan perbankan konvensional dengan segala urusannya menghindari unsur-unsur Maghrib seperti riba, maisir, dan gharar
- Prinsip asas perbankan Islam ialah perkongsian untung dan risiko antara pihak yang mengurus niaga
- Antara prinsip-prinsip yang diamalkan dalam Skim Perbankan Islam termasuklah:




Prinsip	Wadiah	Mudharabah	Bai Bithaman Ajil	Takjiri
Maksud	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertindak sebagai wakil untuk menjaga harta pelanggan</li> <li>- Bank merupakan pemegang amanah harta pelanggan</li> <li>- Bank tidak membayar sebarang pulangan</li> <li>- Tetapi pelanggan mungkin menerima hibah (hadiah) daripada bank</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu bentuk perkongsian dengan bank bertindak sebagai usahawan dan melabur wang pelanggan dalam bidang pelaburan yang menguntungkan</li> <li>- Untung akan dibahagikan antara bank dengan pelanggan mengikut nisbah tertentu</li> <li>- Sebarang kerugian pelaburan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian bank akan ditanggung oleh pelanggan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank menjual barang kepada pelanggan dengan pembayaran tertanggung pada harga tertentu termasuk margin keuntungan yang telah dipersetujui</li> <li>- Pelanggan akan membayar harga barang secara ansuran berdasarkan syarat yang telah ditetapkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank membeli aset yang diperlukan oleh pelanggan dan pelanggan perlu membayar sewa untuk tempoh tertentu</li> <li>- Selepas tamat tempoh, aset yang disewa akan dipindah milik kepada pelanggan</li> </ul>
Perkhidmatan bank yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Akaun semasa</li> <li>- Akaun simpanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Akaun pelaburan am</li> <li>- Akaun pelaburan khas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembiayaan perumahan</li> <li>- Instrumen deposit boleh niaga</li> <li>- Pembiayaan kad kredit dan umrah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembelian kenderaan</li> <li>- Pembelian mesin</li> <li>- Pembelian bon</li> </ul>

## 3.2 Pendapatan Individu

### 3.2.1 Jenis-Jenis Pekerjaan Mengikut Sektor

- Setiap pekerjaan dapat dikategorikan mengikut sektor ekonomi dalam sesebuah negara iaitu :



#### 1. Sektor utama / pertama / primer

- Mengeluarkan hasil daripada alam semulajadi / hasil bumi tanpa mengubah bentuk asal barang berkenaan
- Sektor ini penting dalam menyediakan bahan mentah kepada industri tempatan
- Terbahagi kepada :
  - (a) Pertanian, perikanan dan penternakan
  - (b) Perhutanan dan pembalakan
  - (c) Perlombongan dan kuari
- Contoh pekerjaan : petani, nelayan, penternak, pelombong, pembalok

#### 2. Sektor kedua / sekunder

- Aktiviti memproses barang-barang yang dihasilkan daripada sektor utama menjadi barang separuh siap dan barang siap.
- Terbahagi kepada :
  - (a) Perkilangan – hasilkan brg elektrik & elektronik, kain & tekstil dll
  - (b) Pembinaan – membina rumah, kedai, jalan raya
- Contoh pekerjaan : pengurus kilang, jurutera kilang, operator, buruh binaan


#### 3. Sektor ketiga / perkhidmatan

- Sektor ekonomi yang memberi dan mengeluarkan perkhidmatan.
- Terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu :
  - (a) Perkhidmatan pengeluaran – pengangkutan, perbankan, insurans
  - (b) Perkhidmatan awam – pertahanan, pendidikan, infrastruktur
  - (c) Perkhidmatan lain – sosial, perhotelan, persendirian (salon,solekan)
- Contoh pekerjaan : jurutera elektrik, pemandu, pegawai bank, peniaga, guru, doktor

### 3.2.2 Kepentingan Setiap Sektor Dari Segi Pekerjaan Mengikut Trend Di Malaysia

Tempoh masa	Perubahan struktur ekonomi negara
Awal kemerdekaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Getah ialah eksport utama Malaysia</li> <li>• Sebahagian besar guna tenaga terlibat dalam aktiviti pertanian &amp; perlombongan</li> <li>• Kebanyakan barang pengguna diimport dari Britain</li> </ul>
1960-an	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan memperkenalkan dasar mempelbagaikan ekonomi – memberi tumpuan kepada sektor kedua dan ketiga</li> <li>• Kerajaan menggalakkan aktiviti penggantian import khususnya perkembangan industri ringan</li> <li>• Sumbangan sektor kedua - sektor pembuatan semakin meningkat</li> </ul>
1970-an	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan memperkenalkan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan koko</li> <li>• Penemuan telaga minyak di persisir pantai Sarawak - sektor perlombongan</li> <li>• Dasar industri berorientasikan eksport - dalam insdustri perkilangan ringan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan</li> <li>• Penubuhan Petronas pada 17 Ogos 1974 menjadikan Malaysia sebagai Negara pengeksporth minyak bersih</li> </ul>
1980-an	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan telah melancarkan dasar perindustrian berat untuk membangunkan projek domestik berskala besar, berteknologi tinggi dan bermodal tinggi</li> <li>• Kerjasama dengan dengan syarikat asing khususnya Jepun yang mempunyai teknologi canggih berjaya menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi</li> <li>• Malaysia menjadi pengeluar terbesar di dunia untuk barangan seperti sarung tangan getah dan semikonduktor</li> <li>• Penubuhan Proton pada 7 Mei 1983 untuk mencapai negara perindustrian</li> </ul>
1990-an	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekonomi berasaskan pengetahuan mementingkan inovasi dan pengetahuan</li> <li>• Dengan pengisytiharan Wawasan 2020, kerajaan melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC), pembangunan sumber manusia serta pelbagai insentif dan pembiayaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D) dalam bidang sains &amp; teknologi</li> <li>• Strategi untuk bertujuan untuk mengubah struktur ekonomi berasaskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).</li> <li>• Kerajaan melaksanakan dasar penswastaan untuk menambahkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi Malaysia</li> </ul>
2000 - sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekonomi Malaysia semakin makmur di bawah pelbagai polisi ekonomi yang efektif</li> <li>• Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Negara (NTP) pada tahun 2010 untuk meningkatkan peranan sector swasta dalam ekonomi dan meningkatkan daya saing ekonomi</li> <li>• Strategi pembangunan sosioekonomi dan pembangunan 5 wilayah koridor ekonomi telah diperkenalkan untuk mencapai pertumbuhan seimbang di seluruh Malaysia</li> <li>• Usaha kerajaan ini telah menjadikan sektor ketiga sebagai pemacu ekonomi negara</li> </ul>

### 3.2.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerjaan



#### 1. Upah wang

- Ganjaran yang diterima oleh individu yang bekerja dengan majikan / orang lain
- Upah mungkin dibayar mengikut jam atau bilangan hari bekerja
- Penentu utama pemilihan pekerjaan
- Semakin tinggi upah wang, semakin ramai individu akan menceburi pekerjaan tersebut
- Kadar upah yang dibayar bergantung kepada pengalaman kerja dan kemahiran yang dimiliki, kelayakan akademik, risiko pekerjaan, kesatuan sekerja dan faktor permintaan dan penawaran buruh

#### 2. Faedah sampingan

- Insentif yang diberikan oleh seseorang majikan kepada pekerja agar lebih bermotivasi atau kekal bekerja dengannya
- Contoh faedah sampingan – bonus tahunan, perkhidmatan perubatan uniform percuma, tempat tinggal, skim insurans, pinjaman, elaun dan lain-lain

### 3. Jaminan kerja

- Individu tertarik dengan pekerjaan yang mempunyai jaminan kerja yang tinggi
- Pekerja sektor awam mempunyai jaminan kerja yang lebih tinggi berbanding pekerja sektor swasta
- Pekerjaan seperti operator tol mempunyai jaminan kerja yang rendah kerana perkembangan teknologi (contoh ; *touch n go / smart tag*)

### 4. Jarak

- Jika jarak tempat kerja dengan kediaman individu dekat, mereka cenderung memilih pekerjaan tersebut dan sebaliknya jika jarak jauh biasanya individu kurang bminat dengan pekerjaan tersebut.

### 5. Suasana tempat kerja

- Individu suka bekerja di tempat kerja yang selesa dan selamat
- Individu juga ingin bekerja dengan rakan sekerja yang mesra serta diberi waktu rehat yang kerap
- Pekerjaan yang memberi lebih keselesaan akan menjadi pilihan individu.

### 6. Kepuasan kerja

- Kecenderungan individu memilih pekerjaan yang akan memberi kepuasan kepadanya
- Jika individu minat dalam bidang computer, maka ia pilih pekerjaan spt jurutera komputer / pengaturcara program dan sebagainya.

### 7. Kelayakan akademik dan kemahiran

- Seseengah pekerjaan memerlukan kelulusan akademik / kemahiran.
- Individu layak memohon sesuatu pekerjaan jika mempunyai kelulusan akademik / kemahiran yang sesuai seperti ditetapkan.

### 8. Prospek pekerjaan

- Berkaitan masa depan pekerjaan – cerah / berpotensi.
- Pekerjaan yang mempunyai prospek yg baik seperti kenaikan pangkat , individu lebih tertarik dengan pekerjaan tersebut, sebaliknya jika pekerjaan tiada prospek individu kurang minat pekerjaan tersebut.

### 9. Keadaan ekonomi semasa

- **Ekonomi meleset**, sukar untuk individu memilih pekerjaan kerana peluang kerja terhad , sebaliknya keadaan **ekonomi baik (melambung)** wujud banyak peluang kerja dan individu lebih mudah mencari pekerjaan.

### 10. Waktu bekerja

- Waktu pejabat biasa / shift / waktu kerja tidak tetap
- Individu suka memilih pekerjaan pada waktu pejabat biasa.

### 11. Pengaruh Keluarga

- Individu yang memilih sesuatu pekerjaan mengikut jejak langkah ibu bapa mereka. Contoh ibu bapa bekerja sebagai peguam, berkemungkinan anak akan bekerja sebagai peguam juga.


### 12. Saiz firma

- Individu lebih tertarik untuk bekerja di firma yang bersaiz lebih besar.

### 3.2.4 Jenis-jenis Pendapatan Individu


#### 1. Definisi

- Pendapatan individu merujuk kepada ganjaran berbentuk wang yang diterima oleh individu dalam tempoh masa tertentu
- Dibahagikan kepada 2 jenis pendapatan iaitu :



#### i. Pendapatan faktor produktif

- Merujuk faktor pengeluaran yang memberi sumbangan dalam ekonomi seperti :



## ii. Pendapatan tidak produktif

- Bayaran pindahan
- Bayaran yang diterima oleh seseorang individu tanpa menyumbangkan apa-apa terhadap proses pengeluaran
- Contoh : bayaran pencen, biasiswa, hadiah, bantuan kebajikan


## 2. Pendapatan individu =

upah + faedah + sewa + dividen + untung + bayaran pindahan

## Jenis Pendapatan Individu

### (1) UPAH/GAJI

- Ganjaran yang dibayar kepada buruh atas sumbangan tenaga fizikal dan mental terhadap proses pengeluaran
- Upah dibayar mengikut masa bekerja atau mengikut output yang dihasilkan
- Upah terbahagi kepada 2 :



#### i. Upah wang / upah nominal

- upah yang diterima oleh seseorang pekerja pada suatu masa tertentu

#### ii. Upah benar

- kuasa beli upah wang dan kemampuan seseorang individu gunakan upah wang untuk beli barang dan perkhidmatan
- upah benar dapat menentukan taraf hidup
- upah benar dipengaruhi oleh harga barang
- kenaikan harga barang akan menyebabkan upah benar menurun (hubungan positif)

$$\text{Upah benar} = \frac{\text{Upah Wang}}{\text{Harga Purata Barang}}$$

## (2) FAEDAH

- Ganjaran yang diterima oleh pemilik modal wang
- Diterima oleh individu yang menyimpan wang di bank atau memberi pinjaman kepada orang lain
- Faedah dibayar kerana individu sanggup menanggung perbelanjaannya pada masa sekarang dan berpisah dengan wang tunai serta menanggung risiko kejatuhan nilai wang

$$\text{Faedah} = \text{Jumlah simpanan (RM)} \times \text{Kadar faedah (\%)} \times \text{Tempoh simpanan (TAHUN)}$$

## (3) SEWA

- Ganjaran kepada pemilik faktor tanah seperti tanah, bangunan dan rumah kerana beri hak penggunaan harta berkenaan kepada orang lain yang penawarannya terhadap
- Kadar sewa bergantung kepada permintaan, lokasi dan kegunaan tanah

## (4) UNTUNG

- Ganjaran yang diterima oleh usahawan
- Usahawan akan kombinasikan sumber-sumber ekonomi untuk mengeluarkan barang
- Usahawan menerima untung kerana berani menanggung risiko, mengeluarkan idea perniagaan serta menguruskan perniagaan dengan jayanya

$$\text{Untung} = \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Kos}$$

## (5) DIVIDEN

- Sebahagian daripada pendapatan syarikat yang diagihkan kepada pemegang-pemegang saham bagi setiap unit saham yang dimiliki
- Contoh : ASB, ASN
- Dividen juga dibayar kepada individu yang menyimpan wangnya di Bank Islam.

## (6) BAYARAN PINDAHAN

- Pendapatan atau wang yang diterima oleh seseorang individu yang tidak memberi sumbangan dalam proses pengeluaran dalam ekonomi
- Contoh : pencen, biasiswa, subsidi petani, bantuan orang cacat, hadiah, kebajikan masyarakat, buku teks, pampasan, derma

### 3.2.5 Kaitan Antara Pelbagai Kerjaya Dengan Matlamat Peribadi



#### i. Pilihan kerjaya

- Pekerjaan yang berisiko tinggi biasanya dibayar gaji yang lebih tinggi berbanding pekerjaan yang berisiko rendah
- Contohnya ; gaji pekerja industri minyak dan gas lebih tinggi berbanding kerani akaun

#### ii. Pilihan pendidikan

- Individu yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi lazimnya menerima gaji yang lebih tinggi berbanding individu yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah
- Contohnya ; individu berkelulusan diploma lebih tinggi gajinya berbanding kelulusan SPM sahaja

#### iii. Kemahiran

- Individu yang mempunyai kemahiran khusus seperti IT, lesen memandu atau mempunyai kemahiran bertutur lebih dari 1 bahasa menerima gaji yang lebih tinggi

#### iv. Keusahawanan

- Individu yang mempunyai sifat keusahawan seperti kebolehan mencipta sesuatu, mengubahsuai produk sedia ada, berani menanggung risiko serta berwawasan mampu memperoleh pendapatan yang tinggi

#### v. Keadaan ekonomi

- Individu yang dibayar gaji lebih tinggi semasa ekonomi melambung dan sebaliknya dibayar gaji rendah semasa ekonomi meleset

### 3.3 Penggunaan Pendapatan Individu


#### 3.3.1 Konsep Pendapatan Boleh Guna

- Bukan semua pendapatan yang diterima boleh dibelanjakan kerana pendapatan individu tertakluk kepada potongan wajib iaitu caruman KWSP, caruman PERKESO, zakat dan cukai pendapatan perseorangan
- Pendapatan boleh guna ialah pendapatan sebenar individu yang boleh dibelanjakan setelah ditolak semua potongan wajib.
- Rumus :

$$\text{Pendapatan boleh guna} = \text{Pendapatan Individu} - \text{Potongan wajib}$$

#### 3.3.2 Potongan Wajib

- Potongan wajib ialah bayaran yang ditetapkan oleh undang-undang atau diwajibkan dalam rukun Islam.
- Potongan wajib akan mengurangkan pendapatan semasa individu tetapi memberi jaminan pendapatan pada masa hadapan
- Potongan wajib terdiri daripada :



##### i. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- Sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan pada tahun 1991
- Tujuan penubuhan KWSP ialah menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan ahli secara cekap dan amanah
- Caruman KWSP amat penting kepada pekerja selepas bersara untuk menyara hari tua
- Semua pekerja sektor swasta dan pekerja tidak berpencen sektor awam diwajibkan mencarum dalam KWSP
- Kadar caruman semasa pekerja ialah 11% daripada gaji dan kadar caruman majikan ialah 12% / 13% daripada gaji
- Caruman ahli akan digunakan untuk pelaburan seperti membeli hartanah, sekuriti kerajaan, bon dan pinjaman dan ini membolehkan KWSP membayar dividen kepada ahlinya
- Caruman ahli disimpan dalam dua akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2

Akaun 1 (KWSP)	Akaun 2 (KWSP)
70% daripada simpanan dan khusus untuk persaraan	30% daripada simpanan dan khusus untuk pengeluaran pra persaraan yang boleh menambah nilai kepada simpanan persaraan Simpanan dalam akaun 2 boleh dikeluarkan dalam situasi berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeluaran perumahan</li> <li>• Pengeluaran pendidikan</li> <li>• Pengeluaran kesihatan</li> <li>• Pengeluaran umur 50</li> <li>• Pengeluaran simpanan melebihi RM1 juta</li> <li>• Pengeluaran haji</li> </ul>
Kesemua simpanan dalam Akaun 1 dan Akaun 2 boleh dikeluarkan dalam situasi berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai umur 55 tahun</li> <li>• Meninggalkan negara</li> <li>• Disahkan tidak berupaya untuk bekerja</li> <li>• Meninggal dunia</li> </ul> Anggota perkhidmatan awam yang telah diberi taraf berpencen	


#### ii. Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

- Tujuan penubuhan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial melalui insurans sosial seperti membayar faedah perubatan dan wang untuk pekerja yang mengalami risiko dan menyediakan bekalan prostetik dan pemulihan bagi pekerja
- Pekerja yang wajib mencarum dalam PERKESO ialah pekerja yang menerima gaji bulanan RM4 000 ke bawah
- Selain itu, individu yang tidak perlu mencarum dalam PERKESO ialah kakitangan kerajaan, pembantu rumah, bekerja sendiri, pekerja asing, dan pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun
- Kadar caruman majikan ialah 1.75% dan caruman pekerja ialah 0.5% daripada gaji pekerja
- PERKESO memberi perlindungan melalui Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan

Skim Bencana Pekerjaan	Skim Keilatan (Kecacatan Kekal)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi perlindungan untuk kemalangan yang berlaku semasa bekerja atau perjalanan ke tempat kerja</li> <li>• Antara faedah yang diperolehi di bawah skim ini ialah faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara / kekal, faedah kebumian dan lain-lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi perlindungan kepada pekerja jika berlaku ilat atau kematian atas sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan sebelum umur 60 tahun</li> <li>• Faedah di bawah skim ini ialah pencen ilat, pencen penakat, pemulihan, faedah kebumian</li> </ul>


### iii. Bayaran zakat

- Zakat dikenakan ke atas orang Islam yang cukup syarat-syaratnya
- Zakat adalah salah satu rukun Islam yang kelima
- Zakat bererti bersih, suci atau berkat.
- Zakat bertujuan membersihkan atau menyucikan harta dan membersihkan orang kaya daripada sifat kedekut dan bakhil.
- Tujuan zakat ialah :



### iv. Cukai pendapatan perseorangan


- Setiap rakyat Malaysia yang menerima pendapatan melebihi tahap tertentu wajib membayar cukai pendapatan individu
- Tujuan kerajaan mengenakan cukai adalah :



- Cukai pendapatan individu dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Pendapatan yang diterima daripada punca pekerjaan atau perniagaan serta pendapatan lain seperti sewa, faedah tertakluk kepada cukai pendapatan
- Cukai yang dikenakan bergantung kepada pendapatan boleh cukai

**Pendapatan boleh cukai = Pendapatan tahunan – pelepasan cukai**

- Kadar cukai bersifat progresif iaitu semakin tinggi pendapatan boleh cukai semakin tinggi kadar cukai pendapatan yang perlu dibayar
- **Pelepasan cukai ialah amaun pendapatan yang dibenarkan untuk dikecualikan daripada pengiraan cukai.**
- Pelepasan cukai yang tinggi akan mengurangkan pendapatan boleh cukai dan seterusnya mengurangkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh seseorang individu.
- Contoh jenis-jenis pelepasan cukai:



- Bagi individu beragama Islam, jumlah zakat yang dibayar boleh ditolak daripada cukai pendapatan yang dikenakan sebagai lain-lain rebat cukai

### Contoh soalan pengiraan cukai pendapatan individu :

Encik Rayqal merupakan seorang pegawai di salah sebuah bank di Johor Bahru. Pendapatan tahunan beliau adalah sebanyak RM 48 000. Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 4 orang anak yang masih bersekolah. Salah seorang daripada anaknya mengalami kecacatan fizikal sejak dari lahir.

Beliau telah mencarumkan sebanyak 11% daripada pendapatannya di dalam KWSP. Sebagai langkah bijak, Encik Rayqal telah membeli insurans pendidikan anak-anaknya dengan bayaran RM120 sebulan. Sebagai anak sulung, beliau memikul tanggungjawab untuk membiayai kos ubatan dan rawatan ibunya sebanyak RM 150 sebulan.

Pada tahun lepas Encik Rayqal baru membeli sebuah rumah teres dua tingkat di Bandar Nusajaya dengan ansurans pinjaman bank RM 800 sebulan. Setelah berpindah ke rumah baru, rumah pusaka ibunya disewakan dengan kadar bulanan RM300. Encik Rayqal juga membayar zakat sebanyak RM200 setahun

### Maklumat tambahan (pelepasan cukai)

Diri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM1 000 seorang
Anak OKU	RM5 000 seorang
KWSP & Insurans nyawa	RM5 000 maksimum
Perubatan ibu bapa	RM5 000 maksimum
Insurans pendidikan	RM3 000 maksimum

### Kadar cukai yang ditentukan oleh kerajaan :

Banjaran pendapatan bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
0 – 2 500	2 500 pertama	0	0
2 501 – 5 000	2 500 berikutnya	0	0
5 001 – 10 000	5 000 pertama	1	0
	5 000 berikutnya		50
10 001 – 20 000	10 000 pertama	1	50
	10 000 berikutnya		100
<b>20 0001 – 35 000</b>	<b>20 000 pertama</b>	<b>5</b>	<b>150</b>
	<b>15 000 berikutnya</b>		<b>750</b>
35 0001 – 50 000	35 000 pertama	10	900
	15 000 berikutnya		1 500

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Hitungkan:
  - i. Jumlah pendapatan
  - ii. Jumlah pelepasan
  - iii. Pendapatan boleh cukai
  - iv. Jumlah cukai yang dibayar

v. Pendapatan boleh guna

**JAWAPAN**

	RM	RM	
a) Gaji ( RM4 000 X 12 bulan)		48 000	(1m)
Sewa (RM 300 X 12 bulan)		3 600	(1m)
(i) <b>Jumlah pendapatan</b>		<b>51 600</b>	(1m)
(ii) <b>Tolak: Pelepasan</b>			
Diri	8 000		(1m)
Isteri	3 000		(1m)
Anak	3 000		(1m)
Anak(OKU)	5 000		(1m)
Perubatan ibu	1 800		(1m)
KWSP dan insurans nyawa	5 000		
Insurans pendidikan	1 440	27 240	(1m)
(iii) <b>Pendapatan boleh cukai</b>		<b>24 360</b>	(2m)
(iv) <b>Pengiraan cukai</b>			(1m)
<b>RM24 360</b>			(1m)
<b><u>RM20 000</u></b>	150.00		(1m)
<b>RM 4 360 x 5%</b>	<u>218.00</u>		(1m)
	368.00		(1m)
Tolak: rebat zakat	<u>200.00</u>		(1m)
Cukai yang dibayar	<b><u>168.00</u></b>		(1m)
<b><u>Pendapatan boleh guna :</u></b>			
<b>Pendapatan</b>		51 600	(1m)
<b>Tolak: Potongan wajib</b>			(1m)
KWSP	5 676		(1m)
Zakat	300.00		(1m)
Cukai	168.00	6144	(1m)
(v) <b>Pendapatan boleh guna</b>		<b>45 456</b>	(1m)

### 3.3.3 Keperluan Dan Kehendak

Perbezaan di antara keperluan dan kehendak:


Keperluan	Kehendak
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara asas yang mesti dipenuhi</li> <li>• Untuk meneruskan kehidupan</li> <li>• Bilangannya terhad</li> <li>• Mudah dipenuhi</li> <li>• Harga barang stabil dan dikawal oleh kerajaan</li> <li>• Perlu dipenuhi / wajib oleh semua orang</li> <li>• Tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan</li> <li>• Contohnya makanan, pakaian, dan tempat tinggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara yang tidak semestinya dipenuhi</li> <li>• Untuk hidup lebih selesa / mewah</li> <li>• Bilangannya tidak terhad</li> <li>• Sukar dipenuhi</li> <li>• Harga barang kehendak tidak dikawal oleh kerajaan</li> <li>• Tidak perlu dipenuhi oleh semua orang</li> <li>• Dipengaruhi oleh saiz pendapatan</li> <li>• Contohnya kereta, telefon bimbit dan pakej pelancongan</li> </ul>

### 3.3.4 Penggunaan Pendapatan Individu

- Pendapatan boleh guna (PBG) individu akan digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak
- Perbelanjaan ini dikenal sebagai **perbelanjaan penggunaan**
- **Baki PBG** yang tidak dibelanjakan pula dikenali sebagai **tabungan**


$$\text{Pendapatan boleh guna} = \text{Perbelanjaan penggunaan} + \text{Tabungan}$$

- Perbelanjaan penggunaan individu terdiri daripada perbelanjaan untuk membeli :



### 3.3.5 Faktor Yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan Pengguna

- Perbelanjaan pengguna memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara kita.
- Peningkatan perbelanjaan pengguna memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia seperti peningkatan pengeluaran, peningkatan peluang pekerjaan, serta menggalakkan inovasi produk dalam industri
- Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah iaitu :



#### i. Pendapatan

- Peningkatan pendapatan akan memberi kesan positif kepada kuasa beli pengguna dan seterusnya perbelanjaan pengguna akan meningkat
- Corak perbelanjaan pengguna berpendapatan sederhana dan tinggi lebih bertumpu kepada perbelanjaan untuk pelancongan, hotel serta restoren.
- Manakala golongan berpendapatan rendah pula tertumpu kepada perbelanjaan perumahan, elektrik, air serta makanan.

#### ii. Harga

- Harga barang akan meningkat apabila permintaan melebihi penawaran ( $DD > SS$ )
- Harga barang akan menurun apabila penawaran melebihi permintaan ( $SS > DD$ )
- Contohnya harga hotel akan meningkat semasa musim cuti sekolah kerana banyak permintaan
- Harga ikan pula akan meningkat ketika musim tengkujuh kerana penawaran/tangkapan ikan berkurangan pada musim ini
- Terdapat juga faktor perubahan lain seperti kadar pertukaran RM, perubahan harga minyak dan cukai SST
- Corak perbelanjaan pengguna tidak berubah sekiranya harga barang makanan meningkat atau menurun kerana ia merupakan perbelanjaan asasi
- Sebaliknya peningkatan harga barang dan perkhidmatan akan menjejaskan kemampuan pengguna untuk membeli barang kehendak contohnya barang elektrik

### iii. Pengiklanan dan pemasaran

- **Pemasaran** merupakan aktiviti menyalurkan barang dan perkhidmatan kepada pengguna akhir
- Pengguna gemar membeli barang yang mudah diperolehi dan bermutu serta dijual pada harga yang berpatutan
- Pemasaran tidak langsung semakin popular kerana liputan internet semakin meluas dan pengguna Internet yang semakin ramai (*facebook, ebay, lazada* dan lain-lain)
- **Pengiklanan** pula satu bentuk komunikasi untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu produk untuk memujuk pelanggan.
- Pengiklanan menyampaikan maklumat tentang produk baharu di pasaran dan ini memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna

### iv. Barang pengganti


- Kebiasaannya barangan seperti minuman ringan mempunyai banyak barang pengganti berbanding barangan keperluan asas seperti beras
- Peningkatan harga minuman ringan tertentu akan menyebabkan pengguna membeli jenama lain.
- Namun pengguna terpaksa meneruskan pembelian barangan keperluan seperti gula, garam, minyak dan ubat walaupun barangan ini mengalami peningkatan harga disebabkan tiada pengganti hampir.

### v. Citarasa dan segmen pasaran

- **Citarasa** mempengaruhi corak perbelanjaan kerana kehendak yang tidak terhad berbanding pendapatan yang terhad
- Oleh itu pengguna akan berusaha untuk memenuhi citarasanya agar mencapai kepuasan yang maksimum
- Citarasa berbeza mengikut kaum, umur, jantina, pendapatan dan lokasi
- Contohnya perubahan citarasa pengguna yang mementingkan kesihatan menyebabkan permintaan untuk produk kesihatan meningkat
- **Segmen pasaran** bermaksud membahagikan pasaran kepada subunit yang kecil berdasarkan kumpulan pengguna tertentu
- Contohnya kumpulan golongan kanak-kanak, dewasa, bekerja, pelajar dan lain-lain

### 3.3.6 Kaedah Pembayaran Untuk Pembelian Barang

- Pengguna mempunyai dua pilihan pembayaran untuk pembelian iaitu :



#### i. Bayaran secara tunai

- bermaksud pelanggan membayar dengan wang tunai sebaik sahaja menerima barang atau perkhidmatan.
- Kelebihan dan kelemahan bayaran tunai ialah :


Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga lebih murah kerana tidak melibatkan unsur faedah</li> <li>• Berbelanja secara berhemat, pengguna yang membeli barang secara tunai perlu berdisiplin semasa berbelanja kerana tertakluk kepada had perbelanjaan berdasarkan jumlah wang dimiliki</li> <li>• Pengguna mungkin menikmati diskaun tunai apabila membayar secara tunai mengikut syarat diskaun</li> <li>• Bayaran tunai diterima secara meluas berbanding belian kredit</li> <li>• Barang terus menjadi hak milik pembeli kerana harganya telah dibayar penuh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak dapat menikmati barang mewah seperti barang kemas kerana kekurangan tunai</li> <li>• Tidak dapat melindungi diri daripada inflasi</li> <li>• Kurang sesuai untuk membeli barang yang mahal seperti kereta kerana melibatkan jumlah wang yang banyak</li> <li>• Ada risiko kehilangan tunai dan tiada jaminan dapat semula</li> <li>• Pembeli sukar mendapat perkhidmatan selepas jualan seperti membaiki atau mengganti barang yang rosak kerana penjual tidak bertanggungjawab selepas barang telah ditukar milik</li> </ul>

#### ii. Bayaran secara kredit

- bermaksud bayaran yang ditangguh untuk suatu tempoh masa tertentu, namun pengguna boleh menggunakan barang sebelum menjelaskan harga penuh.
- Pengguna mungkin perlu membayar pendahuluan dan bakinya dibayar secara ansuran.
- Harga belian untuk bayaran kredit lebih tinggi kerana penjual akan mengenakan faedah ke atas baki yang belum dijelaskan.
- Antara kelebihan dan kelemahan bayaran secara kredit ialah :

Kelebihan	Kelemahan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran secara ansuran meringankan beban kewangan pembeli berbanding dengan bayaran secara tunai yang perlu dijelaskan sekali gus</li> <li>• Dapat menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan</li> <li>• Peningkatan taraf hidup kerana dapat menggunakan barang yang mahal seperti kereta dengan bayaran yang minimum</li> <li>• Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaannya kerana terpaksa membayar ansuran bulanan</li> <li>• Pembeli boleh menggunakan barang yang dibeli secara kredit untuk menghasilkan pendapatan atau memulakan perniagaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengguna terpaksa membayar jumlah yang lebih tinggi kerana dikenakan faedah</li> <li>• Mendorong pengguna berbelanja melebihi kemampuan dan menyebabkan pembaziran berlaku</li> <li>• Disebabkan bayaran ansuran yang perlu dibuat setiap bulan, pengguna terpaksa menangguhkan perbelanjaan yang lain</li> <li>• Barang boleh ditarik balik jika pembeli tidak mampu membayarnya</li> </ul>

### 3.3.7 *Fitur Ekonomi Dalam Pembelian Kredit*




- **Bayaran pendahuluan**
  - Peniaga lazimnya meminta pengguna membayar sejumlah wang sebagai bayaran pendahuluan untuk belian barang secara kredit
  - Jumlah yang dibayar bergantung kepada harga barang dan juga atas pertimbangan penjual
  - Bayaran pendahuluan perlu dipulangkan oleh penjual sekiranya barang tidak dapat diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan
  - Penjual berhak untuk menghapus kira bayaran pendahuluan yang dibayar oleh pengguna sekiranya pengguna enggan menunaikan kewajipannya.
- **Kadar faedah**
  - Ditentukan oleh pihak yang memberi kemudahan kredit seperti bank perdagangan dan syarikat kredit
  - Jumlah faedah bergantung kepada bayaran balik pinjaman dan bayaran pendahuluan yang dibuat serta jenis produk yang dibeli

- Kebiasaannya kadar faedah untuk pembelian kereta adalah tetap dalam tempoh bayaran
  - Pembelian rumah secara kredit pula tertakluk kepada kadar faedah terapung yang bergantung kepada kadar asas (BR) dan kadar efektif pembiayaan indikatif (IELR) yang ditetapkan oleh bank pusat.
- **Caj kewangan**
    - Caj yang dikenakan kepada pemegang kad kredit oleh pengeluar kad kredit ke atas baki yang belum dijelaskan selepas tarikh tamat tempoh
    - Caj kewangan akan dikira berdasarkan baki harian
  - **Jumlah yang perlu dibayar**
    - Jumlah yang perlu dibayar untuk belian kredit ialah baki harga setelah ditolak bayaran pendahuluan dan ditambah dengan jumlah faedah yang dikenakan

$$\text{Jumlah yang perlu dibayar} = (\text{Harga belian} - \text{Deposit}) + \text{Jumlah faedah yang dikenakan}$$


### 3.3.8 Belanjawan Peribadi

- Anggaran perbelanjaan berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna seseorang individu untuk tempoh tertentu seperti satu bulan.
- Belanjawan peribadi dapat membantu individu mencapai matlamat kewangan iaitu sesuatu yang ingin dicapai oleh seseorang dalam jangka masa tertentu
- Matlamat kewangan boleh dibahagikan kepada jangka pendek, sederhana dan panjang
- Antara penentu matlamat kewangan ialah keinginan, umur individu, kedudukan kewangan dan minat individu. Contohnya, membeli kereta dan melancong.
- Kepentingan matlamat kewangan ialah :




### 3.3.9 Penyediaan Belanjawan Peribadi

- Langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi :




- Belanjawan peribadi yang disediakan oleh seseorang individu berbeza dengan individu yang lain kerana matlamat kewangan yang berbeza kerana bergantung kepada jumlah pendapatan dimiliki, komitmen kewangan dan corak perbelanjaan seseorang.

### 3.3.10 Kepentingan Belanjawan Peribadi



### 3.3.11 Strategi Simpanan

- Perancangan perbelanjaan yang berhemat akan membantu individu menabung sebahagian daripada pendapatannya
- Berikut adalah pelbagai strategi simpanan :



#### a. Bank perdagangan

- Individu boleh memilih untuk menyimpan dalam akaun semasa, tabungan atau simpanan tetap
- Pemegang akaun simpanan tetap akan menerima faedah yang lebih tinggi berbanding akaun tabungan

#### b. Bank Islam

- Menyediakan akaun Simpanan-i Wadiah, Al-Awfar dan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) kepada pelanggan
- Bank akan berkongsi keuntungan dengan pelanggan berdasarkan perjanjian

**c. Bank Simpanan Nasional (BSN)**

- Individu boleh memilih untuk menyimpan dalam akaun GIRO, akaun tabungan, simpanan tetap, SEDAR, CHESS atau membeli sijil simpanan premium.
- Pemegang akaun akan menerima pulangan berbentuk faedah atau dividen

**d. Lembaga Tabung Haji (LTH)**

- Simpanan untuk rakyat Malaysia yang beragama Islam
- Simpanan akan dibayar bonus dan dividen berdasarkan jumlah simpanan yang dimiliki

**e. Unit amanah**

- Terdiri daripada unit amanah saham contohnya, Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputra (ASB)
- Pemegang unit amanah dibayar dividen dan bonus saham

**f. Koperasi**

- Individu perlu menjadi ahli untuk menyimpan dalam koperasi
- Ahli koperasi dibayar dividen

**g. Insurans nyawa**

- Individu boleh menabung dengan membeli polisi insurans nyawa
- Terdapat 2 jenis insurans di Malaysia iaitu insurans konvensional dan takaful
- Selain melindungi pemegang polisi, syarikat insurans juga membayar pulangan berbentuk dividen

**h. Syarikat kewangan**


- Menyediakan kemudahan simpanan Islamik dan konvensional contohnya Malaysian Building Society Berhad (MSSB)
- Membayar pulangan berbentuk faedah atau dividen

**i. Simpanan lain**

- Pembelian bon simpanan
- Pembelian emas

### *3.3.12 Konsep Risiko Dan Pulangan Dalam Pelaburan*

- Pelaburan yang dibuat oleh seseorang individu dikenal sebagai pelaburan peribadi
- Pelaburan peribadi bermaksud komitmen dana (sejumlah wang) kepada satu aset atau lebih yang akan dipegang untuk satu tempoh dengan harapan aset tersebut akan menghasilkan pendapatan yang tinggi pada masa hadapan.
- Terdapat tujuh jenis pelaburan peribadi iaitu :



- i. Simpanan di bank**
  - Menyimpan sejumlah wang dalam simpanan tetap dan bank akan membayar kadar faedah tetap kepada pelabur dengan syarat pelabur tidak mengeluarkan dana dalam jangka masa yang ditetapkan
- ii. Hartanah**
  - Membeli rumah kediaman, lot kedai atau tanah
  - Dengan mengambil kira aspek keadaan ekonomi, lokasi, serta prospek hartanah pada masa depan
  - Individu akan menerima pendapatan dalam bentuk sewa jika membenarkan orang lain mengusahakan tanah/tinggal
  - Atau menerima keuntungan modal iaitu kenaikan nilai hartanah jika dijual semula
- iii. Saham**
  - Syarikat menerbitkan saham untuk mengumpulkan modal
  - Individu yang membeli saham akan menyumbangkan dana kepada syarikat dan sebagai balasan, syarikat menawarkan sebahagian hak pemilikan syarikat kepada pelabur dengan syarat tertentu
  - Individu akan menerima pendapatan pelaburan berbentuk dividen dan keuntungan modal iaitu kenaikan nilai saham
- iv. Unit amanah**
  - Individu boleh melabur dalam skim unit amanah yang diuruskan oleh Syarikat Pengurusan Unit Amanah
  - Syarikat ini akan melabur semula dana tersebut dalam portfolio pelaburan seperti sekuriti dan saham
  - Individu akan menerima pendapatan pelaburan berbentuk dividen dan keuntungan modal iaitu kenaikan nilai unit amanah
- v. Sekuriti pinjaman**
  - Individu boleh membeli sekuriti kerajaan yang diterbitkan oleh kerajaan atau syarikat seperti bon, debentur dan sekuriti kerajaan

- Pemegang sekuriti pinjaman sebenarnya ialah pemberi pinjaman manakal penerbit sekuriti ialah peminjam
- Individu akan menerima pendapatan pelaburan berbentuk faedah dan mendapat semula jumlah pokok pinjaman pada tarikh matang sendiri

**vi. Logam berharga**

- Individu boleh membeli logam berharga seperti emas, perak dan platinum sebagai aset pelaburan
- Nilai logam berharga bergantung pada ketulenan logam dan keadaan ekonomi
- Pelabur akan menerima keuntungan modal iaitu kenaikan nilai logam berharga tersebut

**vii. Urus niaga pertukaran asing (FOREX)**

- Melibatkan pembelian satu wang dengan menukarkan atau menjual satu mata wang lain
- Misalnya individu boleh membeli Dolar AS dengan menukarkannya dengan RM
- Mata wang yang dibeli boleh dipegang atau dijual semula apabila nilainya meningkat
- Pelabur akan menerima keuntungan modal iaitu kenaikan nilai mata wang

**Risiko Dalam Pelaburan**

- Risiko pelaburan ialah kemungkinan seseorang individu mengalami sesuatu ketidakpastian daripada pelaburan yang dilakukan
- Pelabur mungkin menghadapi kerugian atau keuntungan daripada sesuatu pelaburan.
- Tahap risiko adalah berbeza antara jenis pelaburan yang berlainan
- Kecairan merujuk kepada keupayaan aset untuk diubah menjadi tunai. Contohnya, tunai di tangan dan simpanan di bank.
- Jadual yang berikut menunjukkan perbandingan pelbagai jenis pelaburan peribadi.

Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	Tahap pulangan	Tahap kecairan
Simpanan tetap	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Sekuriti kerajaan	Bebas risiko	Rendah	Sederhana
Unit amanah	Rendah	Rendah	Tinggi
Hartanah	Rendah	Rendah	Rendah
Logam berharga	Sederhana	Tinggi	Rendah
Saham syarikat	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Urus niaga pertukaran asing (FOREX)	Tinggi	Tinggi	Tinggi

**Pulangan Pelaburan**

- Pulangan pelaburan ialah keuntungan yang dinikmati oleh pelabur daripada aktiviti pelaburan yang dilakukan.
- Pulangan mungkin berbentuk faedah, sewa dan dividen
- Pulangan juga dalam bentuk keuntungan modal iaitu kenaikan nilai aset pelaburan seperti kenaikan nilai hartanah

Bentuk pelaburan	Bentuk pendapatan pelaburan	Penerimaan keuntungan modal
Simpanan tetap	Faedah	<b>X</b>
Hartanah	Sewa	√
Unit amanah	Dividen	√
Sekuriti pinjaman	Faedah	<b>X</b>
Saham	Dividen	√
Logam berharga	-	√
FOREX	-	√

### Hubungan Antara Risiko Dan Pulangan Pelaburan

- Tahap risiko dalam sesuatu pelaburan berubah dengan pulangan pelaburan tersebut
- Risiko yang tinggi akan membawa pulangan yang tinggi dan sebaliknya
- Sebagai contoh, pelaburan dalam hartanah dikatakan berisiko rendah berbanding pelaburan saham syarikat, kerana hartanah mempunyai nilai yang stabil manakala saham terdedah kepada turun naik harga.
- Tetapi pulangan pembelian saham adalah lebih tinggi berbanding pelaburan dalam hartanah.
- Peningkatan nilai saham boleh berlaku dalam masa singkat disebabkan oleh faktor-faktor seperti prestasi syarikat atau perubahan polisi kerajaan manakala peningkatan nilai hartanah adalah perlahan dan bergantung kepada lokasi, prospek masa depan dan faktor lain.